

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 FEBRUARY 2017

Dr Mahathir terima baik siasat isu BMF

BH - 8/2/2017

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menyokong cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF) dan urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang berlaku ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

“RCI juga patut ditubuhkan untuk siasat isu membabitkan sumbangan derma RM2.6 bilion dan pelaburan dalam 1MDB (1Malaysia Development Berhad),” katanya pada sidang media pengumuman Datuk Zaid Ibrahim menyertai DAP di sini, semalam.

Ketua Ahli Parlimen DAP, Lim Kit Siang, yang turut hadir pada majlis itu, pula berkata pendirian beliau menuntut RCI ditubuhkan bagi menyiasat skandal BMF dan kerugian BNM dalam urus niaga mata wang masih kekal.

“Ya, saya meminta untuk ditubuhkan RCI bagi isu BMF dan urus niaga mata wang asing Bank Negara sebelum ini, dan saya kekal dengan pendirian itu. Tetapi apa yang lebih penting sekarang ialah 1MDB,” katanya.



RCI juga patut ditubuhkan untuk siasat isu membabitkan sumbangan derma RM2.6 bilion dan pelaburan dalam 1MDB”

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri